



## CHRIST CHURCH LIKAS

*To Know Christ & to Make Him Known*  
Diocesan Bishop: The Rt. Rev. Datuk Melder Jiki Tais  
Suffragan Bishop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin  
Rector: Ven. (E) Moses Chin



### Contact

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Office: 088-426312, 213220 | Mobile: 019-6611558  
<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)


## Epifani 2 - 18 Januari 2026

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, oleh anugerah-Mu sahaja kami diterima dan dipanggil untuk melayani-Mu; kuatkan kami oleh Roh Kudus-Mu dan jadikanlah kami layak dalam panggilan kami, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Yohanes 4:10-26

Bacaan Responsif - Wahyu 7:9-17



**BERIKAN AKU MINUM**  
**“APAKAH YANG ANDA DAHAGAKAN?”**  
**BACA YOHANES 4:13-14**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/  
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

## 1. **BERDOA BERSAMA, BERTUMBUH BERSAMA**

Tanda kehidupan ialah pertumbuhan. Sebagai satu keluarga besar gereja, kita terus bertumbuh, dan kita perlu bertumbuh bersama-sama. Salah satu cara penting ialah dengan saling mendengar dan saling mendoakan.

Pada setiap pagi Ahad, kita mengadakan Persekutuan Doa BM sebelum kebaktian bermula, pada jam 10.30 pagi di Pavilion. Manakala pada Ahad pertama setiap bulan, Persekutuan Doa akan diadakan selepas kebaktian: CH pada jam 9.30 pagi dan EN pada jam 11.30 pagi. Selain berdoa untuk pelayanan, jemaat juga berpeluang mengemukakan permohonan doa peribadi. Waktu doa dianggarkan sekitar satu jam.

**Ahad, 1 Februari** menandakan Persekutuan Doa CH & EN yang pertama. Pada malam yang sama, Malam Doa Puji Sembah (terutamanya dalam Bahasa Malaysia) juga akan disambung semula.

## 2. **YANG BARU TELAH DATANG**

Selamat Tahun Baru. Kita memulakan satu siri khotbah yang baharu bertajuk 'Yang Baru Telah Datang', berdasarkan Injil Yohanes:

- 11 Jan: "Anggur Baru" – pernikahan di Kana; Yohanes 2
- **18 Jan: "Ibadah Baru" – perempuan di sumur; Yohanes 4**
- 25 Jan: "Pengampunan Baru" – perempuan yang berzina di Bait Allah; Yohanes 8
- 1 Feb: "Penglihatan Baru" – orang buta di kolam; Yohanes 9
- 8 Feb: "Penghiburan Baru" – gembala di padang; Yohanes 10
- 15 Feb: "Hidup Baru" – orang mati di kubur; Yohanes 11
- 5 minggu Musim Puasa: "Realiti Baru" – ajaran-ajaran di Bilik Atas; Yohanes 13–17
- Minggu Suci & Paskah: "Hidup Baru" – peristiwa-peristiwa di taman; selebihnya Injil Yohanes

Berdoa agar hati kita peka untuk mendengar suara Allah

## 3. **'BIARKAN ANAK-ANAK DATANG KEPADA-KU'**

Lebih 70 orang guru telah mendaftar untuk Latihan Pelayanan Kanak-kanak ADOS-Barat (CH & EN) di Katedral All Saints yang bermula malam esok. Pastor Margaret Chong ialah jurulatih utama, dibantu oleh Rektor kita.

Tujuan latihan ini adalah untuk memperlengkapkan para pelayan kanak-kanak agar lebih berkesan dalam pelayanan masing-masing.



#### 4. **PENTAHBISAN**

Bisypod bercadang menahbiskan beberapa calon sebagai deakon dan paderi, termasuk Pastor kita, Ps. Andriano Bronio. Senarai penuh calon boleh dilihat di papan pengumuman.


Upacara pentahbisan akan diadakan pada Isnin, 26 Januari 2026, jam 7.30 malam di Gereja St. Patrick, Tawau. Acara ini terbuka kepada semua jemaat.

Acara ini akan disusuli dengan Retret dan Konferensi Tahunan Paderi & Pastor. Marilah kita mendoakan semua yang terlibat.

#### 5. **'DOULOS-HOPE' DI TIMOR LESTE**

Kami menghantar salah seorang staf gereja, McJill Tay, untuk menyertai 'Doulos-Hope' Short-term Exposure Programme (STEP).

Program selama 3 bulan ini bermula pada Nov 2025. Selepas tempoh di Thailand dan Pelabuhan Klang, kapal itu berlayar ke Timor Leste. McJill dijangka pulang pada awal Feb 2026. Marilah kita mendoakan dia.



Program selama 3 bulan ini bermula pada Nov 2025. Selepas tempoh di Thailand dan Pelabuhan Klang, kapal itu berlayar ke Timor Leste. McJill dijangka pulang pada awal Feb 2026. Marilah kita mendoakan dia.

#### 6. **'PROJEK LABUR'**

Sila berdoa agar pemeriksaan BOMBA dan DBKK berjalan lancar, dan sijil penghunian dapat diperolehi dengan lancar. Dana pembinaan kini mencecah RM1.17 juta, manakala yang diperlukan RM1.20 juta. Terima kasih atas sokongan padu anda.

#### 7. **PELAYANAN LAINNYA**

- 22 Jan, Khamis – **Perjamuan Kudus Rumah**. 8:00 pagi – Kebaktian di gereja; 9:00 pagi – lawatan ke rumah-rumah.
- 24 Jan, Sabtu – **Evergreens**, Dewan Omega, 9:30 pagi.
- 8 Feb – **Pembaptisan** di semua Kebaktian kita. Sila mendaftar.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Kuit Sui Keng.

#### 8. **PENGURUSAN DALAMAN**

Mulai Isnin, 26 Jan, pintu pagar utama gereja akan ditutup pada Isnin hingga Khamis dan hanya dibuka pada Jumaat hingga Ahad.

Langkah ini bertujuan memastikan keselamatan kawasan, perlindungan bagi pengguna fasiliti (terutama murid sekolah), serta privasi penghuni sekitar. Sila hubungi pejabat gereja atau staf jika memerlukan bantuan. Terima kasih.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost:** <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



# 'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

o Filipi 3:10

Pelan Bacaan Alkitab Mingguan	Isnin, Jan 19	Yoh 14	Mz 15	Jum, Jan 23	Yoh 18	Mz 19
	Sel, Jan 20	Yoh 15	Mz 16	Sab, Jan 24	Yoh 19:1-27	Mz 20
	Rab, Jan 21	Yoh 16	Mz 17	Ahad, Jan 25	Yoh 19:28-42	Mz 21
	Kha, Jan 22	Yoh 17	Mz 18			

## Beberapa peluang pelayan :

- Pelayan Kanak-kanak – guru, pembantu, pemuzik
- Pelayan Remaja – sebagai pemimpin yang mengatur aktiviti, mengajar, rakan anak muda, tonton wayang, bermain pickleball/ badminton, pemandu van gereja
- Pelayan Belia – pengajar, pendorong, teman & mentor yang baik
- Pelayan Dewasa – pemimpin sel, pembantu pemimpin, guru, pengatur acara, pendorong, tukang masak
- Pelayan Warga Emas (Evergreens) – pembantu, pemuzik, pengajar
- Pelayan Penyembahan – sertai koir atau pasukan muzik sebagai vokalis atau pemuzik
- Pelayan Doa – mendengar, berdoa bersama yang memerlukan
- Pelayan Pendoa Syafaat – mendoakan individu dan aktiviti

... bersambung Ahad depan. Hubungi paderi, pastor atau pemimpin gereja untuk maklumat lanjut.

## UNTUK DIDOAKAN

### Diosis yang Kita Kasihi

– Berdoa untuk Bishop Melter dalam dia memimpin seluruh diosis bagi melaksanakan misi Allah di Sabah dan di luar. Berdoa untuk setiap persiapan bagi pentahbisan, retret paderi & pastor, dan konferensi di Tawau.

### Gereja Kita yang Terkasih

– Berdoa untuk pelayan kanak-kanak: CH, BLAST, Pelita Kecil, dan Joy Club  
– agar ibu bapa bekerjasama membawa anak-anak lebih dekat kepada Yesus. Berdoa juga bagi kelancaran Latihan Pelayan Kanak-kanak EN & CH ADOS-Barat yang akan bermula malam esok.

### Diri kita sendiri

– Berdoa agar kita mendekat kepada Yesus dan mengalami “air hidup” dariNya, serta agar rakan-rakan kita turut merasai pengalaman yang sama.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes dan Sister Margaret Yong.